

# ATACAND PLUS® TABLET

Candesartan cilexetil 16mg  
Hydrochlorothiazide 12.5mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Atacand Plus
2. Bagaimana Atacand Plus berfungsi
3. Sebelum menggunakan Atacand Plus
4. Cara menggunakan Atacand Plus
5. Semasa menggunakan Atacand Plus
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Atacand Plus
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan Atacand Plus

Atacand Plus digunakan untuk merawat hipertensi (tekanan darah tinggi), jika monoterapi tidak cukup berkesan.

## Bagaimana Atacand Plus berfungsi

*Candesartan cilexetil* ialah sejenis ubat yang digelar antagonis reseptor *angiotensin II*. Dengan menyekat kesan hormon *angiotensin II*, salur darah akan mengendur dan ini akan menurunkan tekanan darah.

*Hydrochlorothiazide* tergolong ke dalam kelas ubat yang digelar diuretik (penyurut cecair). Kesannya akan menggalakkan penyingkiran natrium, klorida dan air melalui air kencing lalu menurunkan tekanan darah.

## Sebelum menggunakan Atacand Plus

Jangan makan Atacand Plus jika anda hamil, anda rasa anda mungkin hamil atau anda bercadang hendak menjadi hamil. Atacand Plus boleh menyebabkan mudarat yang serius malah maut terhadap bayi dalam kandungan

jika digunakan semasa hamil (lihat tajuk "Kehamilan").

### Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda sedang menyusukan anak dengan susu badan.
- Jika anda alah terhadap mana-mana bahan kandungan Atacand Plus atau terhadap mana-mana ubat yang berkait rapat dengan *hydrochlorothiazide*.
- Jika anda menghidap penyakit hati yang teruk.
- Jika anda menghidap penyakit ginjal yang teruk.
- Jika anda menghidap gout.
- Jika anda menhidapi penyakit kencing manis atau masalah fungsi buah pinggang dan sedang dirawat dengan ubat tekanan darah tinggi yang mengandungi *aliskiren*.

Penting: Anda tidak boleh mengambil Atacand Plus jika anda pernah menghadapi masalah semasa mengambil ubat-ubatan yang mengandungi *candesartan cilexetil* atau *hydrochlorothiazide*.

Atacand Plus tidak disyorkan untuk kanak-kanak.

### Sebelum mula menggunakan

#### Atacand Plus

Bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini:

- Jika anda mengambil ubat lain untuk menurunkan tekanan darah, khususnya:
  - perencat ACE (contohnya *enalapril*, *lisinopril*, *ramipril*), khususnya jika anda menghidap masalah ginjal yang disebabkan oleh penyakit kencing manis
  - *aliskiren*
- Jika anda mengalami masalah penafasan atau paru-paru (termasuk keradangan atau bendalir di dalam paru-paru) selepas mengambil *hydrochlorothiazide*. Jika anda mengalami semput yang teruk

atau kesukaran bernafas selepas mengambil Atacand Plus, dapatkan rawatan segera.

- Jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuklah yang anda beli tanpa preskripsi.
- Jika anda menghidap penyakit jantung, hati atau ginjal (buah pinggang).
- Jika anda tidak tahan dengan laktosa.
- Jika anda sedang mengambil ubat *digitalis glycoside*, antiaritmia, antiradang bukan steroid (*non-steroidal anti-inflammatory drugs*, NSAID), *cholestipol*, *cholestyramine*, litium, bahan diuretik kaliuretik yang lain, laksatif, *amphotericin*, *carbenoxolone*, ubat yang berkait dengan asid salisilik, bahan diuretik pengekal kalium, makanan penambah kalium, pengganti garam yang mengandungi kalium atau ubat lain yang boleh meningkatkan tahap kalium.
- Jika anda rasa penglihatan berkurangan atau rasa sakit pada bahagian mata. Ini mungkin merujuk kepada simptom-simptom pengumpulan bendalir dalam lapisan vascular mata (*choroidal effusion*) atau kenaikan tekanan dalam mata dan boleh berlaku dalam beberapa jam hingga beberapa minggu selepas mengambil Atacand Plus. Jika tidak dirawat, ia boleh menyebabkan kehilangan penglihatan. Jika anda mempunyai sejarah alergic terhadap *penicillin* atau *sulfonamide*, risiko anda mendapat kesan sampingan ini adalah lebih tinggi.
- Jika anda menghidap penyakit kencing manis.

Doktor anda mungkin akan menguji fungsi buah pinggang, tekanan darah dan kandungan elektrolit (contohnya kalium) dalam badan anda dalam jangka masa tertentu.

Sila beritahu pakar kesihatan anda sebelum mengambil Atacand Plus jika anda pernah menghidapi kanser kulit atau kecederaan pada kulit yang tidak dijangka sementara rawatan. Rawatan dengan *hydrochlorothiazide* khususnya untuk jangka masa yang panjang pada dos yang tinggi mungkin akan meningkatkan risiko menghidapi kanser kulit dan bibir yang tertentu (*non-melanoma skin cancer*). Lindungi kulit anda daripada matahari dan sinaran UV sementara mengambil Atacand Plus.

Sila rujuk maklumat dibawah tajuk “Bila tidak boleh menggunakan”.

*Jika mengambil ubat-ubat lain*  
Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubatan lain, termasuklah ubat yang diperoleh tanpa dipreskripsi. Doktor anda mungkin perlu tukar dos anda dan/atau mengambil langkah berjaga-jaga yang lain jika anda sedang mengambil perencat ACE atau *aliskiren* (sila rujuk maklumat dibawah tajuk “Bila tidak boleh menggunakan” dan “Sebelum mula menggunakan Atacand Plus”).

### **Cara menggunakan Atacand Plus**

*Berapa banyak harus digunakan*  
Dosnya ialah satu tablet setiap sehari.

*Bila perlu digunakan*  
Sebaik-baiknya, ambil tablet anda pada masa yang sama setiap hari, contohnya pada waktu pagi.

*Berapa lama perlu digunakan*  
Ambil Atacand Plus seperti yang diarahkan oleh pakar kesihatan anda. Jangan berhenti mengambilnya tanpa berbincang dengan pakar kesihatan anda dahulu.

*Jika terlupa menggunakan*  
Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos yang seterusnya

seperti biasa. Jangan ambil tablet tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal itu.

### *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda terambil lebih daripada bilangan tablet yang diarahkan, hubungilah doktor atau ahli farmasi secepat mungkin.

### **Semasa menggunakan Atacand Plus**

#### *Perkara yang perlu dilakukan*

Adalah penting supaya mengambil Atacand Plus setiap hari dan mengikut arahan doktor anda. Arahan pada label boleh mengingatkan anda tentang apa yang dipesan oleh doktor.

Jika anda rasa bahawa kesan Atacand Plus terlalu kuat ataupun terlalu lemah, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

#### *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti mengambil dos anda tanpa berbincang dengan pakar kesihatan anda dahulu.

#### *Kehamilan*

Anda tidak boleh mengambil Atacand Plus jika anda hamil, dan anda rasa anda mungkin hamil atau anda merancang untuk menjadi hamil. Anda mesti beritahu doktor jika anda rasa anda hamil (atau mungkin akan menjadi hamil). Doktor akan menyuruh anda berhenti mengambil Atacand Plus sebelum anda menjadi hamil atau sebaik sahaja anda tahu anda hamil dan mungkin akan menyarankan anda mengambil ubat selain Atacand Plus. Atacand Plus boleh menyebabkan mudarat yang serius malah maut terhadap bayi dalam kandungan jika digunakan semasa hamil.

#### *Menyusukan anak dengan susu badan*

Beritahu doktor jika anda sedang menyusukan anak dengan susu badan atau merancang untuk menyusukan anak dengan susu badan. Atacand Plus tidak boleh digunakan oleh ibu yang sedang

menyusukan anak dengan susu badan.

#### *Perkara yang perlu diberi perhatian*

*Mengambil Atacand Plus bersama makanan dan minuman*  
Tidak penting sama ada anda mengambil tablet ini bersama ataupun tanpa makanan.

#### *Anestesia dan pembedahan*

Jika anda akan menjalani pembedahan, beritahu doktor atau doktor gigi anda bahawa anda sedang mengambil Atacand Plus. Apabila digabungkan dengan sesetengah jenis bahan anestetik, Atacand Plus boleh menurunkan tekanan darah.

#### *Memandu dan mengendalikan jentera*

Rawatan tekanan darah tinggi boleh menyebabkan sesetengah pesakit berasa pening atau tidak bermaya. Pastikan anda tidak terkejut begini sebelum anda memandu atau mengendalikan jentera.

### **Kesan-kesan sampingan**

Kebanyakan orang yang mengambil Atacand Plus tidak mengalami kesan yang tidak diingini. Sama seperti semua ubat lain, sesetengah pengguna Atacand Plus mungkin kadangkala mengalami kesan yang tidak diingini, yang biasanya sederhana dan akan hilang tidak lama kemudian.

Kesan-kesan yang tidak diingini yang sangat jarang dilaporkan berlaku ialah bengkak pada muka, bibir, lidah dan/atau tekak, sakit belakang, ruam, gegata, gatal-gatal, tindak balas yang luar biasa pada kulit, kulit yang mudah menjadi lebam, rasa terlampau lesu, jaundis (kulit dan/atau mata menjadi kuning) atau hasil ujian hati yang meningkat. Jika anda mengalami mana-mana kesan ini ataupun simptom lain yang luar biasa atau yang tidak dijangka, bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda mengalami bengkak-bengkak pada muka, bibir, lidah dan/atau tekak,

atau jaundis, atau anda mengalami tindak balas yang luar biasa pada kulit, kulit mudah menjadi lebam atau rasa terlampau lesu, hubungilah doktor anda dengan segera.

Sangat jarang sekali, pening, batuk-batuk dan kemerosotan fungsi ginjal (terutamanya dalam pesakit yang sedang mengalami masalah ginjal atau kegagalan jantung) pernah dilaporkan. Perubahan aras kalium, natrium dan sel darah merah atau putih sangat jarang sekali berlaku. Perubahan ini biasanya dapat dikesan dengan ujian darah. Dalam sesetengah pesakit, penyakit *lupus* boleh diaktifkan atau menjadi makin teruk disebabkan *hydrochlorothiazide*, salah satu ubat dalam tablet ini.

Jarang sekali, *acute respiratory distress* (tanda-tanda termasuk semput yang teruk, demam, lemah, dan kekeliruan) pernah dilaporkan.

Frekuensi yang tidak diketahui: ---  
-kanser kulit dan bibir (*Non-melanoma skin cancer*)  
-*Choroidal effusion*: pengumpulan bendalir yang tidak normal di dalam mata menyebabkan pengurangan penglihatan  
-*Acute myopia*: pengurangan penglihatan secara tiba-tiba atau penglihatan kabur  
-*Acute angle-closure glaucoma*: peningkatan tekanan di dalam mata, mata sakit. Boleh menyebabkan kehilangan penglihatan jika tidak dirawat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.moh.my](http://npra.moh.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Atacand Plus**

#### Penyimpanan

Jangan ambil tablet ini selepas tarikh luput yang tertera pada blister dan pada karton.

- Simpan ubat ini di tempat yang selamat, jauh daripada capaian kanak-kanak.
- Simpan ubat ini dibawah suhu 30°C.
- Ingatlah untuk memulangkan ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi.

#### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna produk

Tablet-tablet ini berwarna kuning kemerah-merahan (*peach*), berbentuk bujur dwicembung dengan garisan pada kedua-dua belah dan ditanda A/CS.

Tablet Atacand Plus 16/12.5 mg disediakan dalam pek blister 30 tablet yang mengandungi dua blister berisi 10 tablet.

#### Bahan-bahan kandungan

##### Bahan aktif

Tablet Atacand Plus mengandungi 16 mg *candesartan cilexetil* dan 12.5 mg *hydrochlorothiazide*.

##### Bahan tidak aktif

Bahan-bahan yang lain ialah *carmellose calcium*, *hydroxypropyl cellulose*, *lactose*, *magnesium stearate*, *maize starch*, *polyethylene glycol*, *iron oxide yellow (E172)* and *iron oxide red (E172)*

#### Nombor MAL:

MAL20021128ACRZ

#### **Pengilang**

Klocke Pharma-Service GmbH  
77767 Appenweier, Germany

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Zuellig Pharma Sdn Bhd,  
No. 15 Persiaran Pasak Bumi,  
Seksyen U8, Perindustrian Bukit  
Jelutong, 40150 Shah Alam,  
Selangor, Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini**

05/2025

#### **Nombor siri**

NPRA (R1/7) 23122024/234